



LINTEC

LAPORAN CSR 2020



Moto Syarikat

Keikhlasan dan Kreativiti

Moto syarikat Kumpulan LINTEC yang merupakan asas kepada CSR ialah ‘Keikhlasan dan Kreativiti’. Inilah “apa yang sepatutnya ada” pada kami.

“Keikhlasan” bererti memikirkan apa yang dapat dilakukan yang boleh menguntungkan dan dihargai, dengan menjalankan setiap tugas dengan sepenuh hati.

“Kreativiti” bererti sentiasa bekerja demi membuat pembaharuan dan menjadikannya lebih baik lagi dengan mencari nilai tambahan yang lebih besar tanpa berasa puas hati dengan status quo (keadaan seadanya).

Bersikap tulus terhadap semua pihak berkepentingan dan bertindak menghadapi cabaran-cabaran baru berulang kali dengan tekad untuk membuat pembaharuan merupakan detik permulaan bagi syarikat berteraskan “pembuatan produk (monodzukuri)”.

Segalanya bermula dengan “keikhlasan” yang kemudiannya berkait dengan “kreativiti”.

Ini adalah ciri-ciri LINTEC kami yang tidak akan berubah dan merupakan pendorong yang menyokong pertumbuhan yang mampan.

LINTEC WAY Nilai penting pendukung moto syarikat

5 cara memupuk Keikhlasan

- 1 Sentiasa bersikap jujur
- 2 Sampaikan ketulusan
- 3 Bersama mencipta kegembiraan
- 4 Menjadi orang yang memberi
- 5 Menghargai keluarga dan rakan

5 cara memupuk Kreativiti

- 1 Kekal tabah hingga berjaya
- 2 Berbangga dengan keunikan
- 3 Fleksibel dengan perubahan
- 4 Berfikir dari sudut global
- 5 Mengaitkan dengan segala kemungkinan

Apakah itu Kumpulan LINTEC?

Bagi merealisasikan moto syarikat ‘keikhlasan dan kreativiti’, Kumpulan LINTEC sedang memajukan empat teknologi asas dengan berasaskan “LINTEC WAY” dan “Garis Panduan Pematuhan Kumpulan LINTEC”, serta menghasilkan nilai yang baru.

Pada tahun fiskal 2020, kami mensasarkan pembangunan masyarakat yang mampan melalui usaha dari aspek “nilai ekonomi” dan “nilai sosial” dengan “tahun yang membina tapak ke arah pertumbuhan berikutnya” sebagai panduan tindakan.



Mesej Teratas



Mempromosikan aktiviti CSR berdasarkan “Keikhlasan dan Kreativiti”, menyatukan kekuatan semua pekerja dan mengambil langkah seterusnya.

Ucapan

Saya, Hattori, telah dilantik sebagai presiden. Selamat bekerjasama.

Saya ingin menyampaikan rasa simpati yang mendalam kepada mereka yang meninggal dunia akibat jangkitan COVID-19, dan rasa simpati sepenuh hati terhadap mereka yang terjejas. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghormatan kepada kakitangan perubatan yang bekerja di barisan hadapan.

Kita sedang menghadapi cabaran global yang tidak pernah kita alami sebelum ini. LINTEC juga memberikan respons yang pantas dengan mengutamakan keselamatan pekerja dan pihak berkepentingan. Namun begitu, peluang yang cerah bagi keadaan ini masih belum kelihatan. LINTEC akan terus bekerjasama dengan setiap pihak berkepentingan untuk menangani cabaran besar ini untuk meneruskan perniagaan.

Berdasarkan semangat “Keikhlasan dan Kreativiti” yang menjadi moto syarikat, LINTEC menyediakan pelbagai produk yang memenuhi keperluan masyarakat dan mempromosikan globalisasi di samping memperluaskan bidang perniagaan. Saya telah berkhidmat di syarikat ini

hampir 40 tahun, kebanyakannya bekerja di bidang jualan. Mengimbang kembali pengalaman tersebut, saya berasa telah melakukan tugas dengan mudah kerana selalu dibantu oleh senior-senior. Walaupun setelah saya terlibat dalam bidang pengurusan di kedudukan yang mempunyai tanggungjawab, saya mendengar pendapat pelbagai pihak di luar dan dalam syarikat. Berdasarkan pendapat tersebut, saya membuat keputusan sendiri. Seterusnya, keputusan akhir akan diambil berdasarkan semangat “Keikhlasan dan Kreativiti”.

Walaupun kini saya memikul tanggungjawab besar sebagai presiden, saya tetap tidak akan mengubah sikap yang saya hargai ini. Saya berfikir ingin terus berusaha menghasilkan produk yang menggembirakan pelbagai orang dan mengambil perhatian serius pendapat pihak berkepentingan. Saya mensasarkan pertumbuhan yang mampan di samping melangkah bersama-sama dan berkongsi kegembiraan tersebut bersama-sama.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Makoto Hattori".

Makoto Hattori
Pengarah Urusan, Ketua Pegawai Eksekutif
LINTEC Corporation

Q

Mula-mula, sila nyatakan kepada kami mengenai hasil tahun fiskal 2019 dan Pelan Pengurusan Jangka Sederhana “LIP-2019”.

Berkenaan Pelan Pengurusan Jangka Sederhana “LIP-2019”, keputusannya adalah berada di bawah sasaran awal. Namun begitu, saya berpendapat kami telah memperolehi pengalaman yang berharga untuk pertumbuhan seterusnya.

Untuk memperdalamkan lagi inovasi dan mensasarkan pertumbuhan yang baru, syarikat kami telah mengusahakan Pelan Pengurusan Jangka Sederhana Tiga Tahun “LIP (LINTEC INNOVATION PLAN)-2019” dari tahun fiskal 2017. Tahun fiskal 2019 adalah tempoh yang penting yang menjadi tahun terakhir pelan tersebut. Namun begitu, keputusannya menurun jauh ke bawah dari sasaran pelan awal. Selain daripada kelembapan ekonomi dunia disebabkan oleh konflik perdagangan Amerika Syarikat - China dan sebagainya, pelarasan pengeluaran di pasaran berkaitan dengan semikonduktor & komponen elektronik telah memberi impak yang besar.

Pada tahun fiskal 2019, kami melancarkan jenama global untuk produk pelekatan untuk label “Livasta¹” yang merupakan produk utama syarikat kami, dan menguatkan aktiviti promosi jualan di dalam dan luar negara. Di samping itu,



kami memfokuskan usaha kami kepada pembuatan produk (monodzukuri) yang menyumbang kepada pengurangan impak ke atas alam sekitar seperti memperluaskan barisan produk pelekatan yang telah menggunakan pelekatan biomas berdasarkan tumbuhan dan sebagainya. Apabila melihat ke luar negara, kami berusaha menyusun semula perniagaan syarikat Madico di Amerika Utara, menambahbaikkan operasi di syarikat Mactac Amerika dan sebagainya, di samping terus memperluaskan pasaran di Asia.

Sasaran tidak tercapai dalam Pelan Pengurusan Jangka Sederhana “LIP-2019”, tetapi apabila mengimbas kembali tiga tahun kebelakangan ini, saya berpendapat bahawa kami telah mencapai pertumbuhan yang stabil. Dengan menjadikan pengumpulan berharga ini sebagai sumber dorongan, saya ingin mensasarkan pertumbuhan seterusnya dengan perasaan yang baru lagi.

Q

Apakah pendapat anda mengenai tanggungjawab sosial LINTEC?

Berdasarkan moto syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti”, kami akan berusaha menyelesaikan masalah global melalui “pembuatan produk (monodzukuri)” yang bermotivasi.

Belum dinyatakan lagi penyebaran secara global jangkitan COVID-19, persekitaran global di sekeliling syarikat sedang mengalami perubahan besar. Era penggunaan besar-besaran secara sehala telah berlalu. Nilai yang diperlukan oleh masyarakat juga berubah iaitu ke arah kitar semula yang mampan.

Untuk memenuhi tanggungjawab sosial kami sebagai syarikat, sehingga kini, syarikat kami terus mempromosikan aktiviti CSR dari perspektif global. Dalam Pelan Pengurusan Jangka Sederhana “LIP-2019”, kami telah menetapkan

“Usaha Untuk Mewujudkan Masyarakat yang Mampan” sebagai salah satu tema utama. Aktiviti CSR syarikat kami adalah berdasarkan semangat “Keikhlasan dan Kreativiti” yang ditetapkan sebagai moto syarikat. Aktiviti dengan amalan tersebut bukan sahaja dilakukan di negara Jepun tetapi juga diperluaskan ke luar negara. Aktiviti menanam pokok bakau² di Indonesia dengan kerjasama penduduk setempat merupakan salah satu aktiviti tersebut. Kami melakukannya setiap tahun sejak tahun 2016. Saya sendiri melawat ke tempat aktiviti dan menyertai aktiviti tersebut.

Tambahan lagi, kami menggabungkan perspektif SDGs ke dalam aktiviti-aktiviti ini. Kami juga meneruskan secara aktif aktiviti yang menggabungkan SDGs ke dalam pengurusan dan perniagaan seperti menubuhkan “Jawatankuasa SDGs” pada Februari 2018, di mana saya sendiri telah menjadi pengarah yang bertanggungjawab dalam promosi bagi

¹ Livasta: Jenama global bagi material label yang telah dilancarkan pada 1 haribulan Julai 2019. Nama jenama merangkumi perkataan LINTEC, Value (Nilai), Stick (Bahan pelekatan), dan Advance (Kemajuan).

² Aktiviti penanaman pokok bakau: Aktiviti yang telah dilakukan di PT. LINTEC Indonesia sejak 2016. Kami telah menanam pokok bakau dengan kerjasama PT. LINTEC JAKARTA yang merupakan salah satu pusat perniagaan kami, dan penduduk tempatan serta pelajar-pelajar dari universiti perikanan tempatan. Kami berusaha mengawasi pertumbuhan pokok-pokok tersebut melalui pemerhatian berkala.

generasi pertama. "Jawatankuasa SDGs" adalah struktur organisasi seluruh syarikat yang tidak terikat dengan jabatan, jawatan dan sebagainya. Banyak idea lahir daripada perbincangan bebas dan terbuka. Selain itu, di setiap bahagian perniagaan, usaha yang berdasarkan perniagaan masing-masing telah bermula berdasarkan teknologi dan produk yang telah kami kumpul sehingga kini. Pada masa akan datang, kami ingin menggabungkan pendekatan dari dua sisi seperti ini dan menjalankan aktiviti lebih proaktif seperti pembangunan produk yang menjadikan SDGs sebagai peluang perniagaan dan sebagainya. Walaupun beberapa tema yang berkaitan dengan SDGs mempunyai rintangan yang tinggi untuk syarikat kami seperti bebas

pelarut di proses pembuatan, kami mesti meningkatkan aktiviti kami selangkah demi selangkah ke arah matlamat tanpa berpaling.

Kami berpendapat bahawa usaha menangani isu sosial iaitu SDGs merupakan kelayakan untuk semua syarikat yang menjalankan perniagaan. Ia adalah kebiasaan juga bagi aktiviti CSR syarikat kami berdasarkan moto syarikat "Keikhlasan dan Kreativit". Kami akan membangkitkan semula semangat ini bersama-sama semua pekerja. Kami akan meneruskan aktiviti unik syarikat kami untuk menggembirakan orang seluruh dunia dengan menyumbangkan penyelesaian ke atas masalah sosial.



Apakah usaha yang diambil untuk menjana inovasi?

Untuk menjana inovasi, penting untuk mempunyai persekitaran yang boleh memaksimumkan kemampuan kita. Kami memberi tumpuan untuk mewujudkan struktur organisasi yang memupuk fleksibeliti dan proaktif.

Untuk bertindak balas dengan pantas terhadap perubahan dalam masyarakat dan menghasilkan inovasi, penting untuk mewujudkan persekitaran yang boleh memaksimumkan kemampuan setiap pekerja. Bersikap proaktif dan fleksibel. Saya berpendapat sikap begini sangat penting.

Oleh itu, "Jawatankuasa SDGs" yang mengumpulkan pelbagai sumber manusia dengan melangkaui rangka kerja jabatan dan sebagainya berkemungkinan menjadi salah

satu petunjuk. Sumber manusia dengan karakter yang unik bekerjasama mengikut matlamat yang ingin dicapai. Kami akan menghasilkan nilai baru dengan menggunakan kepelbagaian tersebut sebagai sumber kuasa. Kami ingin meneruskan struktur organisasi seperti itu.

Kami akan terus berusaha untuk mempromosikan kepelbagaian³ yang membolehkan pelbagai sumber manusia memainkan peranan yang aktif dan pembaharuan gaya kerja juga. Di pejabat Bunkyo Kasuga yang dijadualkan berpindah ke situ pada November 2020, kami akan memperkenalkan Alamat Bebas (Free Address)⁴ yang merealisasikan cara kerja yang fleksibel, selain usaha ke arah bekerja tanpa kertas (Paperless). Pada masa akan datang, kami akan terus memberi tumpuan untuk mencipta tapak untuk mencipta inovasi.



[Profil]

Mula bekerja pada tahun 1980. Terutamanya dalam bidang jualan. Selepas bekerja sebagai Ketua Jabatan Perniagaan Bahan Termaju dan sebagainya, dari tahun 2017, beliau telah berkhidmat pula sebagai Pengurus Besar Pentadbiran Perniagaan yang menyelaraskan 6 bahagian perniagaan. Moto ialah "Amalan yang biasa, akan menjadi rutin". Percaya untuk terus berusaha dengan rendah hati tanpa melupakan rasa syukur. Hobi bermain golf "Walaupun tidak berapa mahir" (beliau berseloroh) dan berjalan kaki setiap pagi yang berterusan.

*3 Kepelbagaian: Terdapat orang yang mempunyai taraf, nilai dan sebagainya yang berbeza dalam satu kumpulan. Menggalakkan mereka menonjolkan keupayaan masing-masing di tempat yang betul, melakukan penyelesaian masalah dari pelbagai perspektif, penciptaan idea asli dan sebagainya dengan cara menghormati kepelbagaian karakter yang wujud di kalangan individu dan kumpulan.

*4 Alamat Bebas (Free Address): Cara kerja di mana pekerja tidak mempunyai lokasi yang tetap dan bebas memilih lokasi untuk melakukan kerja. Selain daripada manfaat dalam pengurangan kos dan peningkatan keselamatan, kesan seperti komunikasi menjadi aktif dan sebagainya dijangkakan terjadi.

Penggal Ke-127 Panduan Tindakan

“Tahun untuk membina tapak ke arah pertumbuhan berikutnya”

- Semua pekerja kumpulan syarikat akan terus mencabar diri mereka untuk mencipta nilai baru yang akan membawa ke masa depan.
- Mari mengasah kekuatan jualan, kapasiti pembuatan dan keupayaan pembangunan serta mengejar apa yang pelanggan inginkan.
- Mari memperkuuhkan usaha untuk SDGs dan menjadi syarikat yang menyelesaikan pelbagai masalah sosial.

Q Sila terangkan mengenai visi jangka panjang anda untuk tahun fiskal 2020 dan masa akan datang.

Kami sedang membangunkan visi jangka panjang dengan menjadikan tahun 2030 sebagai sasaran untuk memenuhi pertumbuhan yang mampan sambil bertindakbalas terhadap gerakan sosial secara fleksibel.

Mempelbagaikan nilai yang diinginkan oleh masyarakat selaras dengan perubahan global. Gerakan tersebut mungkin akan meningkatkan kelajuan mulai sekarang. Untuk mencapai pertumbuhan syarikat yang mampan dalam persekitaran begini, penting untuk menyusun strategi secara fleksibel sebelum perubahan tersebut dan melaksanakannya dengan segera. Seterusnya,

Q Akhir sekali, sila berikan mesej kepada pihak berkepentingan.

Bertujuan untuk menjadi syarikat yang dapat berkongsi kegembiraan dengan pihak berkepentingan, kami akan mengumpulkan kebijaksanaan semua orang dan bersatu untuk mencipta inovasi.

Terdapat kata-kata yang sering kita dengar dalam mesyuarat syarikat kita iaitu “Mari hasilkan produk yang menggembirakan semua orang”. Saya sendiri sering mengucapkannya sebagai kata-kata kegemaran saya. Kata-kata ini merangkumi pelbagai pihak seperti

untuk mengekalkan trend tersebut, matlamat jangka panjang yang boleh dikongsi dengan semua pekerja adalah diperlukan. Di samping itu, untuk mewujudkan teknologi dan produk inovatif yang membuka bidang perniagaan baru, perspektif jangka panjang tanpa melihat ke belakang adalah penting.

Syarikat kami komited kepada visi jangka panjang. Dengan menjadikan tahun 2030 iaitu tahun terakhir SDGs sebagai matlamat, kami melakarkan dengan betul apa yang sepatutnya ada bagi kumpulan syarikat kami pada 10 tahun akan datang. Kami sedang melakukan perbincangan dalaman untuk membentuk visi tersebut. Di samping itu, kami akan menyusun langkah-langkah mantap yang telah dibangkitkan melalui perbincangan ini dan merumuskan pelan pengurusan jangka sederhana seterusnya.

Tambahan lagi, sebagai tempoh masa pemanas, tahun fiskal 2020 merupakan pelan satu tahun yang berdasarkan panduan tindakan iaitu “Tahun untuk membina tapak ke arah pertumbuhan berikutnya”. Bermula dari tahun fiskal 2021, kami akan mempromosikan pelan pengurusan jangka sederhana setiap tiga tahun. Kami akan menggunakan sebagai penanda aras dan berusaha mencapai visi jangka panjang.

Apabila mengimas kembali sejarah syarikat kami hingga kini, kami telah membangunkan produk dan teknologi yang membuka era baru, bermula daripada pita pelekat untuk pembungkusan, kertas pelekat, filem pelekat, produk berkaitan dengan semikonduktor dan sebagainya. Kami ingin melakukan seperti itu untuk 10 tahun akan datang. Kami akan mempromosikan inovasi berdasarkan visi jangka panjang dengan melihat ke arah masa depan.

pekerja, keluarga, pelanggan, pengguna, pembekal, pemegang saham dan sebagainya. Mungkin juga boleh dikatakan untuk semua manusia di bumi. Selain itu, saya merasakan perkataan ‘gembira’ juga sebenarnya merangkumi pelbagai nilai. Saya berpendapat bahawa perkataan ini mempunyai asas kepada konsep SDGs.

Dengan cara ini, kami berhasrat untuk menjadi syarikat global yang mempunyai nilai kepada masyarakat yang akan membuatkan semua orang di dunia bahagia, dan kami ingin mengumpulkan kebijaksanaan semua orang dan mencipta inovasi bersama-sama dengan semua orang.

Mencipta perniagaan baru dengan menjadikan SDGs sebagai titik permulaan.

Kaiya: 2 tahun telah berlalu sejak penubuhan Jawatankuasa SDGs. President Hattori telah menjadi pengarah yang bertanggungjawab dalam promosi Jawatankuasa SDGs selama 2 tahun sehingga kini, pada pendapat anda, apakah ciri-ciri jawatankuasa ini?

Hattori: Jawatankuasa SDGs melangkaui rangka kerja dalaman syarikat dan merangkumi ahli-ahli yang mempunyai keinginan yang tinggi terhadap SGDs dari pelbagai jabatan. Saya fikir ia adalah sesuatu yang tidak pernah terjadi sebelum ini di dalam syarikat kami. Seterusnya, saya rasakan sikap mencuba model perniagaan yang belum pernah kami ada juga merupakan sesuatu yang baru seperti menemubual penyelidik di universiti, melawat kemudahan di industri lain, dan keluar dari syarikat untuk mendapatkan perspektif pihak ketiga.

Kaiya: Sejak kebelakangan ini, tahap perhatian di dalam syarikat tinggi. Saya dengar ramai anak muda yang menyertai secara sukarela sebagai ahli ganti baru untuk tahun 2019. Sehingga kini, aktiviti telah berpusat di bahagian Timur Jepun. Namun begitu, sebuah jawatankuasa kecil baru SDGs juga telah ditubuhkan di bahagian Barat Jepun, dan aktiviti telah berkembang lebih jauh.

Hattori: Untuk menyumbang kepada SDGs, aktiviti yang



Apa yang saya jangkakan daripada Jawatankuasa SDGs ini ialah ia menjadi pemangkin inovasi tersebut.

Makoto Hattori

Pengarah Urusan, Ketua Pegawai Eksekutif
LINTEC Corporation

berasaskan setiap rantau juga penting. Pada masa akan datang, kami rasa ingin mengembangkannya ke syarikat kumpulan luar negara juga dan mempromosikan aktiviti sebagai kumpulan syarikat global.

Edisi khas

Bicara SDGs

Demi mencapai pertumbuhan yang mampan bersama-sama masyarakat Usaha LINTEC bermula daripada SDGs

Jawatankuasa SDGs yang telah ditubuhkan pada Februari 2018 adalah struktur organisasi di seluruh syarikat yang bertujuan untuk mempromosikan sumbangan kepada SDG dan mewujudkan perniagaan baru. Dua orang pengarah yang bertanggungjawab dalam promosi berturut-turut telah membicarakan mengenai peranan Jawatankuasa SDGs dan inovasi yang bermula daripada SDGs.



Kami akan terus berusaha dalam aktiviti yang menyumbang kepada SDGs dalam jangka masa panjang dan fleksibel tanpa menoleh ke belakang sahaja.

Takeshi Kaiya

Pengarah dan Pegawai Eksekutif Urusan
Pengarah yang bertanggungjawab dalam promosi
Jawatankuasa SDGs kini
LINTEC Corporation

Idea “Kenapa?” dan ketabahan akan mewujudkan inovasi.

Kaiya: Di syarikat kami, kami telah lama menamakannya sebagai LIP (LINTEC INNOVATION PLAN) di dalam Pelan Pengurusan Jangka Sederhana. Walau bagaimanapun, saya berasa bimbang kami menjadi syarikat yang agak sukar menghasilkan inovasi itu.

Hattori: Saya juga berasa begitu. Ia agak sukar untuk melahirkan cabaran baru disebabkan terlalu obses dengan teknologi dan produk yang telah diusahakan selama bertahun-tahun. Bukan sahaja pembangunan teknologi dan perancangan produk, berkemungkinan kita juga mengelirukan potensi sendiri dalam pelbagai aspek pekerjaan. Saya ingin semua pekerja menyedari perkara itu.

Kaiya: Sebenarnya, ada banyak teknologi yang berpotensi, tetapi saya rasa kebanyakannya terkubur begitu sahaja kerana idea baru tidak muncul. Terdapat kaedah yang menggabungkan teknologi dan idea dari luar untuk inovasi, namun mewujudkannya di dalam syarikat adalah sangat sukar. Kita perlu menghargai kaedah mencari nilai baru dan menemui teknologi yang terdapat di dalam syarikat. Saya

berpendapat bahawa penting untuk terus menggandakan aktiviti begitu. Saya berfikir bahawa sumbangan kepada SDGs akan menjadi permulaan yang baru tersebut.

Hattori: Betul. Apa yang saya jangkakan daripada Jawatankuasa SDGs ini ialah ia menjadi pemangkin inovasi tersebut.

Kami akan melihat “apa yang sepatutnya ada” untuk 10 tahun akan datang dan terus menyumbang kepada SDGs.

Hattori: Pengurus Besar Kaiya telah mengambil alih tugas sebagai pengarah yang bertanggungjawab dalam promosi Jawatankuasa SDGs dari tahun fiskal 2020. Pada masa akan datang, bagaimakah aktiviti ingin diteruskan?

Kaiya: Baiklah. Saya merasakan bahawa menyumbang kepada SDGs adalah tema bagi menguji syarikat di atas kesungguhan mereka kepada masyarakat. Di syarikat kami, Presiden Hattori telah menyatakan dengan jelas bahawa dia akan “memasukkan SDGs ke dalam pengurusan”. Oleh itu, kami ingin meneruskan idea itu tanpa gementar.

Hattori: Sebagai pengarah yang bertanggungjawab dalam promosi sejak penubuhan Jawatankuasa SDGs, saya selalu menyebut kata-kata tersebut. Ia tidak akan berubah pada masa akan datang.

Kaiya: Kini, syarikat kami sedang membangunkan visi jangka panjang ke arah tahun 2030. Bermula sekarang, kami akan mempromosikan pelan pengurusan jangka sederhana setiap 3 tahun secara fleksibel menuju matlamat 10 tahun akan datang. Saya berpendapat bahawa SDGs juga sama iaitu harus ditangani dengan fleksibel dalam jangka panjang. Jika kita berpusing terlalu kerap, akhirnya kita hanya akan melihat bekas tapak kaki kita. Pada asalnya, saya rasa SDGs bukan usaha seperti itu.

Hattori: Betul. Saya ingin semua pekerja sentiasa menyedari “apa yang sepatutnya ada” bagi syarikat 10 tahun akan datang dan menjalankan aktiviti harian mereka. Inovasi akan lahir daripada sikap begitu.

Keseluruhan teks “Bicara SDGs” yang tidak diterbitkan di dalam laporan CSR boleh dilihat di laman web. (Versi Bahasa Inggeris sahaja)

<https://www.lintec-global.com/csr/special/>

Materialiti LINTEC (Isu Utama) dan SDGs

“Materialiti” ialah pengenalpastian isu-isu yang perlu diberi perhatian oleh syarikat dalam melaksanakan pelbagai aktiviti CSR. Kumpulan LINTEC telah mengenal pasti materialiti pada tahun 2014. Namun begitu, berdasarkan isu sosial yang berterusan berubah, kami sedang meneliti semula tema materialiti di samping mengadakan dialog harian dengan pihak

berkepentingan.

Materialiti baru merangkumi perspektif SDGs juga. Kini, kami sedang meneruskannya sehingga LANGKAH 2 proses penelitian semula. Pada masa akan datang, kami juga akan mengemas kini Petunjuk Prestasi Utama (KPI)¹.

* Struktur organisasi sasaran pencapaian nyata:

[A] LINTEC Corporation/ [B] Kumpulan LINTEC/ [C] LINTEC Corporation, TOKYO LINTEC KAKO, INC./ [D] Ibu pejabat, 10 lokasi pengeluaran, institut penyelidikan LINTEC Corporation/ [E] Lokasi pengeluaran (kecuali Ina), institut penyelidikan LINTEC Corporation

Materialiti		Lingkungan sasaran (sempadan) ○ adalah	SDGs berkaitan	Usaha
		Dalam syarikat Luar syarikat		
Pentadbiran Organisasi	Pengurusan pentadbiran global	○ ○	 	Pengukuhan tadbir urus global
Alam Sekitar	Penggunaan bahan mentah secara efektif	○ ○	 	Aktiviti perolehan yang mengambil kira tentang mengurangkan kesan kepada alam sekitar, berdasarkan Polisi Asas Pemerolehan Bahan Mentah LINTEC
	Pengurangan pelepasan bahan cemar kepada atmosfera	○ ○	  	Pengurangan pelepasan gas kepada atmosfera berdasarkan matlamat jangka sederhana alam sekitar
	Sumbangan daripada aspek alam sekitar melalui produk dan perkhidmatan	○ ○	 	Pembangunan dan penyebaran produk mesra alam yang mengambil kira tentang LCA ²
	Tindak balas pematuhan aspek alam sekitar	○ ○		Pengurusan dan tindak balas pematuhan dalam aspek alam sekitar berdasarkan sistem pengurusan alam sekitar
Budaya Kerja	Tindak balas terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan	○ ○	 	Mematuhi sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, dan melaksanakan aktiviti untuk melindungi keselamatan pekerjaan
	Merealisasikan kepelbagaian di tempat kerja	○ -	 	Menghormati kepelbagaian setiap pekerja dan menyediakan tempat kerja yang baik
	Menaikkan taraf kepuashrian para pekerja	○ -		Penstrukturkan persekitaran tempat kerja yang memberi motivasi kepada pekerja
Masyarakat	Pelaksanaan usaha wajar hak asasi manusia ³	○ ○		Mengambil kira tentang hak asasi manusia bagi keseluruhan rantaian bekalan dan memahami risiko
	Tindak balas terhadap pematuhan aspek kemasyarakatan	○ ○		Ketelusan dan penelitian tentang pematuhan dalam syarikat
	Tindak balas terhadap pematuhan aspek produk	○ ○		Pencegahan dan pengurangan kemalangan yang berkaitan dengan sistem pengurusan kualiti barang
	Sumbangan kepada penggunaan yang mampan	○ ○		Memperkenalkan dan menyebarkan keberkesanan produk yang mesra alam sekitar kepada pihak berkepentingan
	Merealisasikan simbiosis dengan komuniti serantau	○ ○		Sebagai warga korporat yang baik, melaksanakan aktiviti sosial yang memberi sumbangan kepada masyarakat tempatan
Sumbangan kepada aspek industri	Pembinaan model perniagaan untuk pengeluaran dalam pasaran tempatan di negara-negara membangun	○ ○	   	Penyelidikan pembangunan produk yang bertujuan untuk memberi penyelesaian dalam masalah masyarakat dan mempromosi perolehan tempatan
	Perluasan ke bidang baharu	○ ○	Sedang dikaji	

Petunjuk prestasi yang telah ditandakan ★ mendapat pengesahan daripada pihak ketiga syarikat SGS Jepun. Hasil daripada pengesahan pihak ketiga, tiada perkara yang penting yang perlu diperbetulkan.

¹ Petunjuk Prestasi Utama (KPI): Indeks penting yang berkaitan dengan strategi organisasi yang telah ditetapkan untuk mengukur secara kuantitatif tahap pencapaian matlamat.

² LCA: Singkatan bagi Life Cycle Assessment. Kaedah untuk menilai secara keseluruhan kesan terhadap alam sekitar dengan mengira jumlah tenaga, air, dan sumber yang digunakan serta CO₂, dan bahan kimia toksik yang dilepaskan sepanjang keseluruhan kitaran hidup produk.

SDGs (Matlamat Pembangunan Mampan) ialah

Singkatan bagi Sustainable Development Goals (Matlamat Pembangunan Mampan). Untuk isu yang perlu disokong oleh masyarakat antarabangsa dan diterima oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2015, ia bermula dari 1 haribulan Januari 2016, dan mempunyai 17 matlamat dan 169 sasaran yang mempunyai had tempoh iaitu perlu dicapai sehingga tahun 2030. Diperlukan untuk mencapai kreativiti dan inovasi untuk menyelesaikan masalah. Kerajaan, masyarakat setempat, sektor swasta dan semua pihak berkepentingan dijangkakan dapat memberikan sumbangan untuk mewujudkannya.

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Pencapaian nyata*
	(1) Mengguna pakai khidmat perundingan dalam dan luar negara (2) Hasil daripada audit dari jabatan audit dalaman yang diperiksa dengan undang-undang setiap negara dan piawaian syarikat	(1) 3 item [B] (2) Tiada perkara ditunjukkan yang penting [B]
	Jumlah penggunaan pelarut organik	18 ribu t [A]
	(1) Jumlah pelepasan CO ₂ bagi kegiatan perniagaan dalam negeri (2) Jumlah pelepasan VOC ⁴ bagi kegiatan perniagaan dalam negeri	(1) 163 ribu t [C] (2) 869 t [E]
	Bilangan pembuatan produk yang mesra alam sekitar	59 item [A]
	Jumlah pelanggaran undang-undang alam sekitar yang serius (denda/ sekatan)	0 item [D]
	(1) Jumlah cuti bekerja akibat bencana kemalangan dan perburuan (2) Tiada kemalangan sepenuhnya	(1) 4 item [C] (2) Tiada kemalangan di lima lokasi perniagaan ⁵ selama 1 tahun [C]
	(1) Peratusan kerja pengurusan pekerja wanita (2) Peratusan kembali bekerja selepas cuti bersalin	(1) 13% [B] (2) 100% [A]
	Peratusan berhenti kerja dalam tempoh 3 tahun bagi pekerja baru tamat pengajian	12.6% [A]
	Jumlah maklum balas soal selidik dari pembekal	107 syarikat [A]
	Kadar maklum balas soal selidik tentang pematuhan eksekutif dan pengurus syarikat	Peratusan jawapan kaji selidik penghapusan risiko 82.0% [B] * Kerana kami telah menjalankan kaji selidik penghapusan risiko, kajian selidik pematuhan belum dilaksanakan.
	Jumlah laporan kemalangan berkaitan produk yang serius	0 item [C]
	Jumlah penyertaan dalam pameran peringkat kebangsaan dan antarabangsa (penilaian aktiviti)	47 kali [A]
	(1) Jumlah penerimaan peserta dalam lawatan kilang (2) Pelaksanaan aktiviti yang memberi sumbangan kepada masyarakat	(1) 800 orang [C] (2) Dinyatakan di halaman 21-22 "Laporan CSR Global" [B]
	Bahan mentah tempatan di cawangan luar negara Pembinaan sistem pendaftaran (penilaian aktiviti)	Sedang dalam pembangunan sistem carian bagi pengurusan maklumat bahan mentah peringkat global [B]
	Bilangan permohonan paten (penilaian aktiviti)	354 item [A]

*3 Usaha Wajar Hak Asasi Manusia: Proses di mana organisasi bukan sekadar menghormati undang-undang, bahkan untuk mengelak bahaya pelanggaran hak asasi manusia (ISO26000 6.3.3 Isu Berkaitan Hak Asasi Manusia 1).

*4 VOC: Singkatan bagi Volatile Organic Compounds (sebatian organik meruap). Singkatan umum bagi bahan sebatian organik yang menjadi gas di udara.

*5 Lima lokasi perniagaan: Kilang Kumagaya, institut penyelidikan, Kilang Chiba, pejabat Shingu & Kilang Komatsushima.

*6 ESG: Singkatan umum bagi 3 elemen iaitu Environment (Persekutaran), Social (Masyarakat), Governance (Tata Ursus). Digunakan sebagai indeks untuk menentukan sebuah syarikat boleh bertumbuh secara mampan atau tidak.

Proses meneliti semula materialiti

LANGKAH 1 Pengekstrakan permintaan sosial

Mengenal pasti garis panduan dan rangka kerja antarabangsa seperti SDGs, piawaian GRI, Global Compact PBB dan ISO26000, serta membuat perbincangan mengenai tema ESG yang penting daripada organisasi penilaian ESG⁶.

LANGKAH 2 Penglibatan dalam syarikat (Mengikut keutamaan)

Kami akan mengkaji hipotesis dan menentukan kepentingannya bersama organisasi dalaman syarikat seperti Ibu Pejabat Penyelidikan & Pembangunan, Bahagian Pembangunan Perniagaan dan sebagainya.

LANGKAH 3 Mengenal pasti tema yang penting

Setelah mengenal pasti tema penting berdasarkan hasil LANGKAH 1 dan 2, Presiden sebagai pembuat keputusan tertinggi akan memberi penilaian dan kelulusannya.

LANGKAH 4 Penetapan semula petunjuk prestasi utama

Berdasarkan materialiti yang telah dikenal pasti, kami akan menetapkan petunjuk prestasi aktiviti dan meneruskan ke arah operasi.

Aktiviti CSR oleh LINTEC

Perniagaan Kumpulan LINTEC wujud daripada sokongan oleh para pihak berkepentingan. Bagi memenuhi harapan pihak berkepentingan dan terus menjadi syarikat yang dipercayai, semua pekerja mempromosikan secara aktif aktiviti CSR dengan meletakkan moto syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti” sebagai asas mengikut nilai penting yang menyokong moto iaitu “LINTEC WAY”, “Ciri Asas CSR”, dan “Garis Panduan Pematuhan”. Dalam Pelan Pengurusan Jangka Sederhana “LIP (LINTEC INNOVATION PLAN)- 2019” dengan tahun fiskal 2019 sebagai tahun fiskal terakhir juga, kami telah menetapkan “Usaha untuk mewujudkan masyarakat yang mampan” sebagai salah satu tema utama dan telah mempromosikan pelbagai aktiviti CSR untuk pertumbuhan berikutnya, seperti pembuatan

produk (monozukuri) yang menyumbang kepada pengurangan kesan terhadap alam sekitar. Dengan memasukkan perspektif SDGs ke dalam aktiviti ini dan menyumbang kepada penyelesaian isu sosial, kami mensasarkan aktiviti yang dapat membuatkan semua orang di dunia gembira. Di samping itu, Kumpulan Lintec mengenal pasti materialiti, menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)¹, dan menjalankan aktiviti CSR secara strategik sambil mengendalikan kitaran PDCA dengan cekap. Seterusnya, kami mempromosikan kegiatan perniagaan dan aktiviti CSR berdasarkan norma-norma antarabangsa, seperti dengan merujuk kepada ISO26000 selain menyertai Global Compact PBB.

Komunikasi pihak berkepentingan

LINTEC melakukan perbincangan secara proaktif dengan para pihak berkepentingan, dan menjalankan usaha-usaha untuk mencapai harapan masyarakat.

► Bertugas sebagai penasihat luar syarikat Jawatankuasa SDG

Untuk menggambarkan Jawatankuasa SDGs LINTEC dengan kata-kata, saya fikir ia boleh dipanggil Komuniti Inovasi yang Mampan. Walaupun tidak perlu menggunakan bahasa Barat yang khusus, apabila diterjemahkan daripada Bahasa Jepun, saya rasa ini lebih tepat. Ciri-ciri jawatankuasa ini adalah terdiri daripada pelbagai sumber manusia yang dikumpulkan merentasi jabatan, jawatan dan halangan gender. Seterusnya, ia secara aktif terlibat



Aspek Jawatankuasa SDGs

dalam dialog dengan pelbagai pihak berkepentingan di dalam dan di luar syarikat. Bukankah ia satu usaha untuk internalisasi pelbagai nilai? Inovasi tidak lain hanyalah “ gabungan perkara yang berbeza”.

Jawatankuasa ini adalah inkubator² yang setimpal dengan cabaran “kreativiti” dalam masa terhad satu tahun berdasarkan “kepelbagai” dan “perkongsian”. Kemajuan setiap ahli jawatankuasa dalam jangka masa yang singkat adalah sesuatu yang luar biasa. Apabila berhenti menjadi ahli jawatankuasa dan kembali ke tempat kerja masing-masing, saya harap mereka akan memberi kesedaran dan berkongsi sebagai penyampai tentang intipati CSR dan SDGs.

Tahun ini jawatankuasa kecil Jepun Barat juga ditubuhkan selain kawasan ibu pejabat. Pada masa akan datang, kami akan berkembang dengan cepat ke luar negara. Saya fikir isunya adalah memperluaskan aktiviti untuk SDGs ke dalam aktiviti seluruh syarikat global. Untuk transformasi SDGs (transformasi besar), pengumpulan inovasi adalah penting. Namun, pada kenyataannya, banyak syarikat dan organisasi menghadapi kesukaran kerana mereka tidak dapat mencipta inovasi. Pada masa akan datang, saya berharap jawatankuasa SDGs akan menerobos halangan ini dan membuktikan bahawa CSR adalah pendorong inovasi. Ia akan membawa kepada penyelesaian isu sosial.



Encik Hiroyuki Tada
Wakil, Institut Penyelidikan Pengurusan Mampan

*1 Petunjuk Prestasi Utama (KPI): → lihat halaman 10.

*2 Inkubator: Peranti untuk menetas telur secara buatan. Di sini, ia bermaksud “tempat untuk mencari nilai dan memeliharanya”.

Sistem promosi CSR

Pejabat Promosi CSR, yang berada di bawah kendali langsung presiden memupuk standard etika yang tinggi di seluruh syarikat, menyebarkan CSR, dan menyokong kegiatan setiap jawatankuasa.

Jawatankuasa ini, yang terdiri daripada ahli merentasi struktur organisasi dan pegawai yang bertanggungjawab dalam promosi dilantik di setiap jawatankuasa, mengetuai aktiviti dengan memikul tanggungjawab bagi pihak pengurusan.



Pada 1 haribulan April 2020

Global Compact PBB

Kumpulan LINTEC telah menyertai "Global Compact PBB" dari April 2011. Kami akan menjalankan kegiatan perniagaan berdasarkan sepuluh prinsip berikut dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang mampan.

● Hak asasi manusia

Prinsip 1: Sokongan dan penghormatan terhadap perlindungan hak asasi manusia
Prinsip 2: Menolak pelanggaran hak asasi manusia

● Standard buruh

Prinsip 3: Perakuan kebebasan berpersatu dan hak perundungan kolektif
Prinsip 4: Menolak kerja paksaan
Prinsip 5: Menolak amalan buruh kanak-kanak
Prinsip 6: Menghapuskan diskriminasi pelantikan dan pekerjaan

● Alam sekitar

Prinsip 7: Pendekatan bersifat pencegahan masalah alam sekitar
Prinsip 8: Inisiatif bertanggungjawab terhadap alam sekitar
Prinsip 9: Pembangunan dan penyebaran teknologi mesra alam sekitar

● Pencegahan korupsi

Prinsip 10: Usaha pencegahan korupsi dalam segala bentuk termasuk peras ugut dan memberi & menerima rasuah

► Melalui komunikasi dengan pihak berkepentingan

Di LINTEC, kami menghargai peluang untuk berinteraksi dengan orang tempatan. Pada tahun fiskal 2019 juga, kami telah mengadakan acara seperti "Konsert Fureai LINTEC" dan "Perlwanan besbol Tokyo Dome". Perlwanan besbol Tokyo Dome telah dihadiri oleh 616 orang termasuk orang kurang upaya dan penjaga mereka, pemain kanak-kanak pasukan besbol muda dan keluarga mereka, dan lain-lain yang tinggal di Bandar Itabashi. Di acara ini, pekerja syarikat kami berpeluang untuk membantu pergerakan orang kurang upaya, dan kami berusaha untuk menjadikan acara ini menyeronokkan melalui bimbingan dan percakapan yang sopan. Apabila menghantar jemputan, mereka mengucapkan "Terima kasih! la menyeronokkan". Kami juga menerima nota penghargaan bertulisan tangan yang mengucapkan "Saya pasti akan serta lagi pada masa akan datang".

Kami ingin terus merancang berdasarkan pendapat dan tanggapan bagi orang seperti itu juga.



Aspek perlwanan besbol Tokyo Dome



Aki Hoshino
Bahagian Perakaunan
Jabatan Perakaunan

Dengan penyebaran luas jangkitan COVID-19, kami menyumbang 1,000 topeng muka, 40 botol larutan antiseptik, dan sebagainya ke Pinellas County, Florida, Amerika Syarikat di mana syarikat Madico berada. Kami juga menghubungi rakan perniagaan kami dan meminta sokongan mereka. Seterusnya, kami telah menyumbang kepada daerah ini 150,000 pelindung muka yang dihasilkan secara besar-besaran dengan memberi keutamaan kepada mereka yang terjejas secara ekonomi oleh COVID-19 di kalangan keluarga pekerja. Di atas usaha ini, kami menerima nota penghargaan daripada pasukan penyelamat kecemasan tempatan yang mengatakan, "Kami sangat berterima kasih kepada kakitangan perubatan tempatan kerana menyediakan peralatan pelindung diri".

Bermula dengan aktiviti sokongan ini, keselamatan penduduk tempatan dilindungi dan sumbangan kepada kehidupan sehari-hari dapat diberi berdasarkan usaha syarikat kami. Di samping itu, saya dapat merasakan kegembiraan yang besar di atas ikatan bersama masyarakat tempatan yang terbentuk dan terus diperkuuhkan.



Pelindung muka



Kelli Houdek
Syarikat MADICO,
Jabatan Sumber Manusia

Rantaian nilai dan pihak berkepentingan

Konsep rantaian nilai LINTEC

Kegiatan perniagaan Kumpulan LINTEC memberi impak kepada setiap rantaian nilai. Dalam setiap fasa, kami berhasrat untuk mewujudkan masyarakat yang mampan dengan kerjasama di seluruh jabatan dan mempromosikan penelitian semula dan penambahbaikan operasi dengan kesedaran tentang SDGs.

Seterusnya, kami menyediakan tempat untuk berdialog dengan pihak berkepentingan dan mencerminkannya di dalam operasi.



VOICE (Suara)

Perolehan bahan mentah

Banyak kes kitaran hayat produk sangat singkat di luar negara. Perlu untuk segera memahami keperluan pelanggan dan memperoleh serta membuat penilaian bahan mentah dengan kelajuan yang lebih cepat daripada di Jepun.



Takashi Muroi
Jabatan Bahan
LINTEC (SUZHOU) TECH CORPORATION

Isu sosial yang berkaitan dengan perniagaan



Perolehan bahan mentah



Menuju kewujudan dan pertumbuhan bersama dengan pembekal, serta menggalakkan perolehan CSR

Penyelidikan dan pembangunan



Penciptaan produk baru yang inovatif yang menyumbang kepada masyarakat yang berpusat di Ibu Pejabat Penyelidikan dan Pembangunan

Pelanggan
Pembekal
Masyarakat tempatan
Pekerja
Pemegang saham/ pelabur

Pelanggan		
Pembekal		
Masyarakat tempatan		
Pekerja		
Pemegang saham/ pelabur		

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selidik daripada 114 syarikat pembekal utama 93.9%	Kos penyelidikan dan pembangunan 7.9 bilion yen

Sorotan usaha-usaha LINTEC	Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang 500 syarikat	Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan
	Peratusan menjawab soal selid	

VOICE (Suara)

Penyelidikan dan pembangunan

Kami mereka bentuk bahan yang telah mempertimbangkan penggunaan sehingga pelupusan. Kami komited untuk menyediakan produk bernilai tinggi untuk pelanggan kami. Selain itu, kami mempromosikan juga pelarasan dan penambahbaikan bahan mentah di samping bekerjasama dengan Jabatan Pembuatan untuk pengeluaran produk yang stabil. Kami percaya bahawa pengumpulan usaha begini akan meningkatkan tahap kepuasan pelanggan.



Shinya Suzuki
Makmal Bahan Pelekat
Institut Penyelidikan, Bahagian
Penyelidikan Produk

Isu sosial yang berkaitan dengan perniagaan



VOICE (Suara)


Pengeluaran

Kami berusaha untuk memastikan kualiti produk dan meningkatkan produktiviti dengan memeriksa & menyelenggara setiap fasiliti secara berkala di samping berkongsi maklumat secara menyeluruh dengan pekerja dalam setiap proses pengeluaran. Selain itu, kami juga komited untuk mewujudkan persekitaran di mana pekerja dapat bekerja dengan selamat dan sihat melalui latihan bencana yang dilakukan di seluruh kilang, mendekati setiap seorang pekerja di lokasi pengeluaran dan sebagainya.



Hitoshi Harada
Seksyen 1, Jabatan
Pengeluaran Ke 2
Kilang Agatsuma

Isu sosial yang berkaitan dengan perniagaan



Pengeluaran



Meningkatkan kecekapan pengeluaran di dalam dan luar negara serta mengurangkan kesan buruk kepada alam sekitar, juga menggalakkan pengeluaran produk baru secara besar-besaran

Logistik



Mencapai pembekalan sumber produk yang stabil dan mengurangkan kesan kepada alam sekitar yang disebabkan oleh anjakan mod.^{*1}

Jualan/ Penggunaan



Menawarkan kepercayaan dan keyakinan berdasarkan "pembuatan produk (monozukuri)" yang berkualiti tinggi yang dapat memuaskan hati pelanggan

Pelupusan dan kitar semula



Promosi pengurangan sisa dan penggunaan yang berkesan

Pelaksanaan pelbagai aktiviti sumbangan sosial di setiap lokasi perniagaan
Jumlah sumbangan tahunan dalam aktiviti sumbangan sosial **8.72** juta yen

Jumlah pelepasan CO₂ Berkurang **4.3%**
disebabkan logistik berbanding tahun fiskal 2018
Unit asas penggunaan tenaga, Penambahbaikan lebih kurang **0.7%**

Nisbah bilangan kes kemalangan kualiti Nisbah pelupusan terakhir
berdasarkan kawalan kualiti yang menyeluruh Berkurang **63%**
daripada tahun 2010 (tahun rujukan)

0.3%

*1 Anjakan mod: Kami merancang pengurangan pelepasan CO₂ dengan menukar pengangkutan penumpang dan kargo kepada pengangkutan keretapi dan kapal yang boleh mengangkut secara besar-besaran.

Tadbir urus

Pengurusan risiko

Untuk mengukuhkan sistem pengurusan risiko, pada April 2018, Kumpulan LINTEC telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko seluruh syarikat yang terdiri daripada pengurus besar dan pengurus organisasi di bawah kawalan langsung presiden. Perjumpaan jawatankuasa diadakan secara berkala. Jawatankuasa ini mengenal pasti risiko yang berkaitan dengan pengurusan korporat, melakukan pengkhususan, analisis dan penilaian risiko yang harus ditangani, dan berusaha untuk mencegah masalah timbul. Di samping itu, status jawatankuasa tersebut dilaporkan setiap suku tahunan oleh Pengerusi Jawatankuasa kepada Lembaga Pengarah untuk berkongsi maklumat dan menerima arahan.

Pada masa akan datang juga, kami akan terus berusaha untuk memperkuatkan keupayaan pengurusan risiko kami, mengenal pasti risiko dan peluang tepat pada masanya, dan menyumbang kepada pertumbuhan berterusan Kumpulan LINTEC.

Kajian global berkaitan hak asasi manusia/buruh

Kumpulan LINTEC menjalankan kajian keadaan sebenar berkaitan hak asasi manusia dan pekerja setahun sekali untuk semua syarikat kumpulan.

Subjek kajian merangkumi banyak perkara termasuk pematuhan undang-undang dan penghapusan diskriminasi, menghormati hak asasi manusia, melarang buruh kanak-kanak, melarang buruh paksa, gaji, waktu bekerja, perbincangan dan konsultasi bersama para pekerja, persekitaran kerja yang selamat dan sihat dan juga pemupukan modal insan.

Kami juga menjalankan kajian[★] pada Februari 2020 untuk memastikan pematuhan undang-undang di setiap negara dan wilayah, tatakelakuan Kumpulan LINTEC difahami, dan memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat yang menghormati hak asasi manusia terjamin.

Pada masa akan datang, kami akan menjalankan kajian berkala sekali setahun, dan memanfaatkannya bagi memahami keadaan sebenar dan penambahbaikannya.

Pembinaan BCMS^{*1} di seluruh syarikat

LINTEC dan TOKYO LINTEC KAKO, INC., LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC. sedang berusaha menetapkan BCP^{*2} supaya dapat meminimumkan kecederaan kepada individu dan membantu menyambung semula perniagaan dengan pantas ketika berlaku pelbagai bencana seperti gempa bumi.

Pada Mac 2014, kami telah mendapatkan pensijilan ISO22301^{*3} : 2012, dan bagi meneruskan/ menambah baik BCP, kami melakukan operasi BCMS.

*1 BCMS: Singkatan bagi Business Continuity Management System (Sistem Pengurusan Kesinambungan Perniagaan). Kaedah pengurusan yang merumuskan pelan kesinambungan perniagaan dengan memahami keadaan semasa organisasi, melaksanakan penilaian efisien pelan berdasarkan latihan, dan mengendalikan sistem untuk "meneruskan perniagaan" ketika berlaku kejadian yang memberi kesan besar kepada perkhidmatan atau produk penting syarikat.

*2 BCP: Singkatan bagi Business Continuity Plan (Pelan Kesinambungan Perniagaan). Pelan tindakan awal untuk membolehkan kelangsungan atau pemuliharaan segera perniagaan sambil

Pada masa akan datang juga, kami akan terus berusaha untuk menghidupkan semula dan meningkatkan aktiviti kami dengan mempromosikan BCMS kepada semua pekerja di samping mengulangi latihan.

Pembentukan kaunter rundingan (laporan dalaman dan rundingan gangguan)

Di Kumpulan LINTEC, kami menyediakan servis talian bantuan (sistem laporan dalaman) supaya sesiapa sahaja boleh membuat laporan ketika menemui sebarang kesalahan undang-undang/ etika yang serius tanpa merisaukan kerugian. Talian tersebut melibatkan peguam dari organisasi pihak ketiga, dan mereka akan melaksanakan sisatan yang pantas dengan melindungi pemberi maklumat dan maklumat tersebut.

Cara penggunaan talian bantuan ini diterangkan dalam garis panduan tatakelakuan dan diuar-uarkan secara meluas kepada seluruh kumpulan syarikat.

Di samping itu, LINTEC menubuhkan dan mengendalikan "Kaunter Rundingan Gangguan" pada bulan Mei 2019 untuk menambahbaikkan persekitaran kerja. Ini adalah mekanisme yang membolehkan pekerja berunding secara langsung dengan pakar seperti psikoterapi klinikal dan sebagainya. Mekanisme ini terikat dengan pakar dan Jabatan Sumber Manusia, dan bertujuan untuk menyelesaikan masalah di tempat kerja seperti gangguan dan sebagainya.

Inisiatif untuk jangkitan COVID-19

Dengan penyebaran jangkitan COVID-19, Kumpulan LINTEC telah mengambil tindakan pencegahan sambil memerhatikan perubahan dalam situasi seperti melarang perjalanan perniagaan, melakukan kerja telekomunikasi dan sebagainya.

Di samping itu, pada bulan April 2020, LINTEC dan PRINTEC, INC.^{*4} menghasilkan 100 penanda lantai yang dipanggil penjarakan sosial dan 3,000 pelekat yang mengesyorkan Bawa Pulang. Kami menyumbangnya kepada Bandar Itabashi secara percuma.

Seterusnya, pada bulan Mei, kami telah menyumbangkan 10,000 pelindung muka kepada Bandar Itabashi. Ia digunakan di institusi perubatan dan restoran di bandar.



Pelindung muka



Pelekat yang mengesyorkan Bawa Pulang

meminimumkan kerosakan jika syarikat menghadapi kecemasan seperti kemalangan, bencana dan sebagainya.

*3 ISO22301: Piawai antarabangsa BCMS yang efektif dan berkesan untuk merancang langkah penyelesaian syarikat dan organisasi, serta melaksanakannya dengan efektif dan berkesan dalam kejadian seperti gempa bumi dan kebakaran, kegagalan sistem IT dan krisis kewangan, kejadian bankrap pelanggan, wabak, bencana atau kemalangan.

*4 PRINTEC, INC.: Syarikat kumpulan domestik LINTEC.

Laporan Alam Sekitar

Sistem Pengurusan Alam Sekitar

Kumpulan LINTEC secara aktif berusaha untuk melindungi persekitaran global berdasarkan “Dasar Kesinambungan Perniagaan, Kualiti dan Alam Sekitar”. Berkeraan dengan integrasi global ISO14001, kami telah menjalani tinjauan perubahan sehubungan dengan penempatan semula Syarikat Madico pada tahun fiskal 2019, dan kami meneruskan perkongsian maklumat di antara 12 lokasi perniagaan berdaftar di Jepun dan 10 lokasi perniagaan berdaftar di luar negara. Dengan pengesahan pihak ketiga, selain jumlah penggunaan elektrik, penggunaan air, pelepasan CO₂, dan penjanaan sisa, kami juga mengesahkan jumlah pelepasan VOC ke atmosfera dari tahun fiskal 2019, dan tidak ada item penting yang harus diperbetulkan. Bagi pemuliharaan biodiversiti, kami akan terus berusaha dalam aktiviti penanaman pokok, aktiviti pembersihan pantai dan sebagainya. Selain itu, kami juga menyertai CLOMA⁵. Kami berusaha untuk mencadangkan dan memberi kesedaran mengenai produk mesra alam.

Inisiatif untuk mengurangkan perubahan iklim

Jumlah penggunaan tenaga (setara minyak mentah: skop Undang-undang Penjimat Tenaga) bagi Kumpulan LINTEC dalam negara⁶ pada tahun fiskal 2019 berkurang 1.3% dari tahun fiskal sebelumnya disebabkan penurunan jumlah pengeluaran. Unit asas tenaga bertambah baik sebanyak 0.7% kepada 0.309kWh/t. Selain itu, pelepasan gas CO₂ adalah 163 ribu tan, penurunan daripada 179 ribu tan dalam tahun 2018. Pada tahun fiskal 2020, kami akan meneruskan usaha dalam penggunaan tenaga elektrik dengan pelepasan karbon yang rendah. Dengan unit asas tahun fiskal 2019, kami meletakkan matlamat penambahbaikan dengan jumlah pelepasan gas CO₂ sebanyak 1% dan jumlah penggunaan tenaga elektrik sebanyak 1%.

Inisiatif dalam pembangunan produk

Kumpulan LINTEC komited untuk membangunkan produk yang bertujuan untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar. Di samping itu, kami berusaha untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar dari reka bentuk sehingga pelupusan dengan merujuk kepada LCA⁷.

Pematuhan Peraturan PRTR⁸

Bahan-bahan PRTR yang dilaporkan oleh LINTEC pada tahun fiskal 2019 seperti toluena, xilena dan sebagainya, dan jumlah yang dikendalikan adalah 7,817 tan. Bahan yang paling banyak dikendalikan adalah toluena, yang

menyumbang lebih kurang 98% daripada jumlah keseluruhan. Ia adalah 7,652 tan, menurun sebanyak 267 tan dari tahun sebelumnya. Pada tahun fiskal 2019, jumlah toluena yang dilepaskan ke atmosfera adalah 464 tan iaitu penurunan sebanyak 25 tan dari tahun sebelumnya. Jumlah pemindahan adalah 363 tan, kurang 166 tan dari tahun sebelumnya.

LINTEC telah memasang alat rawatan gas ekzos untuk menghilangkan pelepasan pelarut organik ke atmosfera. Kami melarang pengeluaran di kilang yang tidak mengendalikan alat rawatan tersebut. Pada tahun fiskal 2019, tiada kes di mana alat rawatan tidak dikendalikan ketika melakukan pengeluaran.

Pengurangan VOC

Di LINTEC, kami mempromosikan pengurangan VOC. Sewaktu mereka bentuk produk, kami mensasarkan pengurangan jumlah penggunaan pelarut organik dari segi VOC, dan mendorong langkah ke arah penggunaan sifar pelarut dalam bahan penanggal yang digunakan pada kertas tanggal serta bahan pelekat yang digunakan pada produk pelekat berkaitan pencetak. Peratusan langkah ke arah penggunaan sifar pelarut (berasaskan jumlah pengeluaran) dalam kertas tanggal pada tahun 2019 ialah 55%, manakala peratusan langkah ke arah penggunaan sifar pelarut (berasaskan jumlah jualan) dalam produk pelekat berkaitan pencetak ialah 78%. Peratusan ke arah penggunaan sifar pelarut telah menjadi stabil.

Di LINTEC, walaupun alat rawatan gas ekzos telah lengkap dipasang, kami akan terus berusaha mengurangkan lagi kesan ke atas alam sekitar dengan melakukan pengurusan fasiliti rawatan yang berterusan dan terjamin, pengurusan nilai yang dikira bagi kadar bebas pelarut, pembangunan dan pengembangan produk bebas pelarut dan sebagainya.

Peringkat saya seterusnya

Kami memperkenalkan RTO (alat rawatan gas ekzos) di kilang Agatsuma. Bukan sahaja mesin salutan, ia juga memproses gas pelarut berkepekatan rendah dari pengalihudaraan ekzos dalam dan sebagainya. Tambahan pula, kadar penyingkir gas pelarut juga melebihi 98% iaitu paras puncak. Pada masa akan datang, kami akan terus berusaha untuk mengurangkan VOC.



Nachio Satoyoshi
Jabatan Pembuatan,
Seksyen Kejuruteraan Fasiliti
Kilang Agatsuma

⁵CLOMA: Singkatan bagi Clean Ocean Material Alliance (Kesatuan Bahan Laut Bersih) ia adalah platform untuk mempercepatkan inovasi melalui perkongsian awam-swasta dengan menggalakkan penggunaan secara mampu produk plastik, dan pembangunan & pengenal bahan alternatif untuk mengurangkan sisa plastik marin. Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri yang mengetuai.

⁶Kumpulan LINTEC domestik: LINTEC Corporation, merangkumi pusat perniagaan LINTEC Corporation, TOKYO LINTEC KAKO, INC., PRINTEC, INC., LINTEC SERVICE CO., LTD. dan

LINTEC COMMERCE CO., LTD.

⁷LCA: → lihat halaman 10.

⁸Undang-Undang PRTR: Singkatan bagi Pollutant Release and Transfer Register (Jumlah pelepasan & pemindahan bahan kimia) iaitu perundangan sistem pemberitahuan (Undang-undang berkenaan pelaporan dan sebagainya pelepasan bahan kimia tertentu ke persekitaran dan mempromosi penambahbaikan dalam pengurusan).


Berkeraan tanda ★, lihat halaman 10.

Laporan Kemasyarakatan

Sistem Jaminan Kualiti

Kumpulan LINTEC menjalankan sistem jaminan kualiti berdasarkan ISO9001¹. Kumpulan domestik menggabungkan enam unit perniagaan dengan QMS. Kumpulan luar negara telah mewujudkan dan mengendalikan sistem jaminan kualiti di 11 lokasi.

Nisbah kemalangan berkualiti



Perhatian) 1. Nisbah jumlah kemalangan berkualiti di LINTEC Corporation, TOKYO LINTEC KAKO Co., Ltd., dan SHONAN LINTEC KAKO Co., Ltd.

2. Nisbahnya adalah 100% daripada jumlah kes pada tahun fiskal 2010.

Pendedahan Maklumat Produk

Kumpulan LINTEC memberikan maklumat produk kepada pelanggan di laman WEB dan secara bertulis supaya pelanggan menggunakan produk dengan selamat dan tanpa kerisauan. Berkenaan kualiti produk, kami memeriksa & menilai dengan menggunakan standard JIS dan standard rasmi lain serta kaedah pengukuran kami sendiri.

Peringkat saya seterusnya

Demi kegembiraan pelanggan, semua pekerja akan terus bekerjasama berusaha untuk menambahbaikan dan menyelesaikan pelbagai masalah bagi tujuan untuk membina sistem yang canggih dan meningkatkan kualiti.



Eva Liyana
Bahagian Jaminan Kualiti
PT. LINTEC INDONESIA

Penilaian kesan kesihatan dan keselamatan

Di Kumpulan LINTEC, kami memilih bahan mentah yang mematuhi standard seperti Arahan RoHS², Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan sebagainya. Kami akan terus memberi perhatian untuk mengelakkan pencemaran semasa proses pembuatan produk. Dalam kegiatan perniagaan pada tahun fiskal 2019, tiada kes yang melebihi nilai standard ini.

Pemerolehan Hijau

Untuk mengurangkan kesan kepada alam sekitar, proses pengurusan bahan mentah, bahagian alatan serta sumber sampingan buat bahan kimia dijalankan dengan rapi. Bukan hanya ketika memperoleh sumber yang baharu sahaja, kami juga menyelidiki bahan kimia yang terkandung dalam produk untuk memastikan ia mematuhi peraturan baru, tidak hanya untuk bahan yang kami perolehi secara terus.

Pada tahun fiskal 2019, melalui kajian kandungan peraturan REACH³ ke 21 dan 22 & kajian kandungan chemSHERPA⁴ 2.00, kami melakukan aktiviti kajian untuk kira-kira 5,000 jenis bahan mentah.

Kami akan terus bekerjasama dengan pembekal kami untuk mempromosikan aktiviti pemuliharaan alam sekitar dan menguruskan bahan kimia secara menyeluruh.

Tindak balas terhadap mineral konflik⁵

Berkenaan mineral konflik iaitu mineral lombong yang menjadi sumber dana kepada kumpulan bersenjata, LINTEC menyedari bahawa ini adalah masalah sosial yang serius. Kami sedang menyelidiki status penggunaan logam yang berasal dari lombong, yang dijadikan dana oleh kumpulan bersenjata, dalam bahan mentah yang digunakan.

Pada masa akan datang, kami akan memastikan rantaian bekalan bukan sumber dana untuk kumpulan bersenjata. Kami akan menguruskan perolehan dengan tidak menggunakan mineral konflik yang merupakan sumber dana untuk kumpulan bersenjata.

Peringkat saya seterusnya

Mulai sekarang, kami akan menggunakan alat salutan ujian pengeluaran besar-besaran termasuk juga pemeriksaan pengenalan sistem salutan baru, bukan hanya pelancaran awal produk baru.



Shohei Asaina
Makmal Bahan Pelekat,
Jabatan Penyelidikan Produk
Institut penyelidikan

*1 ISO9001: Piauan antarabangsa untuk sistem pengurusan kualiti.

*2 Arahan RoHS: Arahan berkaitan sekitan penggunaan bahan berbahaya tertentu dalam peralatan elektronik dan elektrik di EU (Kesatuan Eropah).

*3 Peraturan REACH: Singkatan bagi Peraturan Berkerten Pendaftaran, Penilaian, Kebenaran dan Pengehdaran Bahan Kimia, yang menjadi peraturan bahan kimia di Kesatuan Eropah. Pendaftarannya diperlukan sekiranya mengeksport sebanyak lebih daripada 1t bahan kimia ke negara-negara Kesatuan Eropah dalam tempoh satu

tahun. Juga, sekiranya terdapat bahan kimia yang tersenarai dalam bahan yang sangat membimbangkan (SVHC) sebanyak lebih daripada 0.1% dalam kandungan produk, kita perlu melaporkannya.

*4 chemSHERPA: Skim perkongsian penyampaian maklumat bahan kimia yang terkandung dalam produk yang disyorkan oleh Kementerian Ekonomi dan Pembudayaan. Sistem yang bertujuan untuk menguruskan bahan kimia yang terkandung dalam produk dari atas hingga ke bawah rantaian pembekalan secara bersesuaian, dan memberi tindak balas berterusan terhadap peraturan yang semakin tersebar.

Pemerolehan CSR

Di LINTEC, berdasarkan semangat CSR, kami menetapkan “Dasar Perolehan Bahan Mentah LINTEC”, “Dasar Perolehan Hijau LINTEC” & “Dasar Perolehan Pulpa Kayu LINTEC”. Kami menjalankan aktiviti perolehan mengikut dasar-dasar ini.

Kami meminta pembekal untuk melaksanakan CSR secara menyeluruh dari pelbagai perspektif, termasuk menghormati hak asasi manusia, kesihatan dan keselamatan pekerjaan, keselamatan maklumat, etika korporat dan sebagainya melalui pelbagai peluang.

Pada tahun fiskal 2019 juga, kami menjalankan kaji selidik pembekal. Bagi perkara yang berkaitan CSR, kami memastikan pematuhan undang-undang, larangan buruh kanak-kanak, dan persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Di antara lebih kurang 500 syarikat pembekal bahan mentah yang dibeli di Jepun, kami membuat soal selidik kepada 114 syarikat yang dipilih dari sudut pandangan jumlah transaksi dan BCP⁶. Kami telah menerima jawapan daripada 107 syarikat★ pembekal tersebut. Kami meminta 10 syarikat daripada syarikat-syarikat ini untuk membuat penambahbaikan berkaitan pengurusan bahan kimia dan kos. Keputusan soal selidik juga digunakan untuk penilaian pembekal.

Kami akan terus komited dalam penambahbaikan aktiviti perolehan dan memperkuuhkan kerjasama dengan pembekal kami.

■ Perkara kajian soal selidik pembekal (Gambaran keseluruhan)

Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> ● Status kewangan
Pihak pengurusan & buruh	<ul style="list-style-type: none"> ● Pematuhan undang-undang dan etika korporat ● Buruh (menghormati hak asasi manusia, waktu kerja, upah, dan sebagainya) ● BCP ● Keselamatan maklumat
Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> ● Kos ● Tarikh penghantaran ● Penyediaan maklumat (maklumat produk, maklumat teknikal, maklumat industri, dan sebagainya)
Kualiti	<ul style="list-style-type: none"> ● Pengesahan pihak ketiga (ISO9001 dan sebagainya) ● Sistem pengurusan (pembekal, bahan mentah, proses pembuatan, produk dan sebagainya)
Alam Sekitar	<ul style="list-style-type: none"> ● Pengesahan pihak ketiga (ISO14001 dan sebagainya) ● Sistem pengurusan bahan kimia

*5 Mineral konflik: Logam yang berasal dari mineral konflik yang telah ditentukan oleh Akta Pembaharuan Peraturan Kewangan Amerika Syarikat adalah tantalum, timah, tungsten, dan emas.

*6 BCP: → lihat halaman 16.

*7 EAP jenis pencegahan: Singkatan bagi Employee Assistance Program (Program Sokongan Pekerja). Program pekerja yang bertujuan untuk meningkatkan produktiviti

Pengurusan dan pendidikan buruh yang menghormati hak asasi manusia

Di Kumpulan LINTEC, kami percaya bahawa “Pematuhan” adalah teras aktiviti korporat kami. Kami mematuhi sepenuhnya “Undang-undang dan peraturan berkaitan” dan “Peraturan sosial” dalam aktiviti korporat dalam dan luar negara. Berkemaan pengambilan pekerja dan pekerjaan juga sama. Kami melakukan pengurusan buruh dengan mematuhi undang-undang dan peraturan berkaitan buruh seperti menghalang diskriminasi yang tidak adil, buruh kanak-kanak, sebarang gangguan dan sebagainya.

Di LINTEC, kami memasukkan pendidikan hak asasi manusia ke dalam program latihan berdasarkan tahapnya. Sehingga kini, kami telah mengadakan latihan berkaitan “Global Compact PBB dan CSR” dan latihan gangguan seksual & gangguan kuasa.

Langkah-langkah kesihatan mental

Di LINTEC, kami memperkenalkan sistem EAP jenis pencegahan⁷. Melalui “Pemeriksaan kesihatan mental” tahunan, setiap orang memahami keadaan tekanan masing-masing dan ia berguna untuk pengurusan diri. Hasil analisis untuk setiap organisasi diberikan kepada pihak pengurusan untuk penambahbaikan. Pada tahun fiskal 2019, perundingan dilakukan untuk 3,660 orang di seluruh kumpulan, dan kadar penyertaan adalah 94.2%.

Selain itu, bagi pekerja Kumpulan LINTEC dan keluarga mereka, mereka boleh berbincang dengan pakar mengenai kerisauan seperti kesihatan, kesihatan mental, penjagaan anak, penjagaan kejururawatan, undang-undang, dan kewangan isi rumah. Kami menyediakan talian sokongan.

Data berkaitan

■ Pekerja lelaki & perempuan tempatan (orang)

	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Jepun	3,032	670	3,702
Asia	1,095	371	1,466
Lain-lain	544	235	779
Jumlah	4,671	1,276	5,947

(Luar Negara: Pada 31 Disember 2019, Dalam negara: Pada 31 Mac 2020)

■ Pekerja tempatan di cawangan luar negara (orang)

	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Jumlah pekerja	1,738	606	2,344
Bilangan pekerja tempatan	1,639	606	2,245
Pihak Pengurusan ⁸	258	113	371

dengan mewujudkan tempat kerja di mana pekerja boleh bekerja dengan mudah dengan menekankan juga “Pencegahan” terhadap pekerja yang sihat selain “Menangani” pekerja yang telah membuat aduan.

*8 Pihak pengurusan : Mengikut definisi setiap negara dan lokasi.

Berkemaan tanda ★, lihat halaman 10.



Aktiviti alam sekitar

LINTEC (SUZHOU) TECH CORPORATION

- Lokasi: Suzhou, China
- Jumlah pekerja: 176 pekerja
- Butiran perniagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk berkaitan bahan pencetak & bahan pengeluaran dan kertas & bahan yang diproses

Pada bulan April 2019, tujuh pekerja syarikat kami menyertai aktiviti pelepasan anak ikan yang ditaja oleh Persatuan Industri Perlindungan Alam Sekitar untuk memulihara kualiti air di Tasik Taihu Suzhou. Bersama-sama dengan lebih kurang 300 peserta, kami menyumbang kepada pemuliharaan kualiti air di Tasik Taihu dengan melepaskan kira-kira 10,000 ikan mas (crucian carp), ikan kawahira dan sebagainya yang memakan alga biru.



Yang Shui Fang
Seksyen Kejuruteraan



Pelepasan anak ikan



Aktiviti sosial

LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC.

- Lokasi: Tainan, Taiwan
- Jumlah pekerja: 88 pekerja
- Butiran perniagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk elektronik & optik

Pada bulan Mei 2019, kami telah melakukan latihan dengan mengandaikan hujan ribut taufan sebelum tiba musim taufan berskala penuh. Dengan kerjasama semua pekerja yang telah menyertai latihan ini, kami telah memastikan bahawa tindak balas BCP syarikat kami berfungsi dengan baik dalam aliran yang telah mengandaikan serangkaian proses dari terjadinya taufan hingga penggera berbunyi dan pembatalan penggera.



Cheng, Wen-chieh
Jabatan Keselamatan
Kejuruteraan



Latihan pemeriksaan dalam kilang dengan mengandaikan bahawa taufan telah berlalu



Aktiviti sosial

LINTEC KOREA, INC.

- Lokasi: Bandar Cheongju, Daerah Chungcheongbuk, Korea Selatan
- Jumlah pekerja: 112 pekerja
- Butiran perniagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk elektronik & optik

Pada bulan November 2019, kami mengadakan "Making Love Kimchi". Lebih kurang 25 pekerja telah membuat kimchi dan kami telah menyerahkannya kepada orang tua yang tinggal bersendirian dan keluarga ibu atau bapa tunggal melalui pusat sokongan wilayah. Kimchi ini menggambarkan keinginan pekerja untuk melalui musim sejuk dengan sedikit kehangatan.



Moon Ji-Eun
Bahagian Hal Ehwal Am



Peserta aktiviti dan kimchi buatan tangan



Aktiviti alam sekitar

PT. LINTEC INDONESIA

- Lokasi: Bandar Bogor, Indonesia
- Jumlah pekerja: 161 pekerja
- Butiran perniagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk berkaitan bahan pencetak & bahan pengeluaran

Pada April 2019, kami melakukan aktiviti menanam pokok bakau. Selain itu, sebelum pelaksanaan usaha ini, kami telah memberi ceramah kepada 42 pelajar Universiti Perikanan Bogor yang menyertai aktiviti ini. Kami telah menerangkan keberkesanan bakau terhadap gas rumah hijau dan kaedah menanam pokok yang betul. Para pelajar bersemangat mendengar ceramah tersebut.



Sugiharto
Bahagian Jaminan
Kualiti



Ceramah di universiti



Aktiviti alam sekitar

LINTEC INDUSTRIES (MALAYSIA) SDN. BHD.

- Lokasi: Pulau Pinang, Malaysia
- Jumlah pekerja: 97 pekerja
- Butiran perniagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk elektronik & optik

Pada bulan Oktober 2019, kami telah melakukan aktiviti penanaman pokok di Pulau Pinang sebagai sebahagian daripada aktiviti pemuliharaan alam sekitar. Seramai 79 pekerja telah mengambil bahagian. Kami telah bekerjasama dengan Jabatan Perhutanan Negeri menanam 100 batang pokok.



Mokhtar Bin Osman
Bahagian Pembuatan



Penanaman pokok oleh
pekerja



Aktiviti sosial

LINTEC INDUSTRIES (SARAWAK) SDN. BHD.

- Lokasi: Sarawak, Malaysia
- Jumlah pekerja: 25 pekerja
- Butiran perniagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk elektronik & optik

Setiap pagi, kira-kira 15 minit sebelum memulakan kerja, syarikat kami akan terus membersihkan daun yang jatuh di jalan dan parti berdekatan selama lebih dari 15 tahun. Pada tahun fiskal 2019, kami mengecat semula corak zebra yang dilukis di bahu jalan di antara operasi perniagaan.



Michael Benzi Junior
Bahagian Hal Ehwal Am
dan Sumber Manusia



Corak zebra yang dilukis



Aktiviti sosial

Aktiviti sosial

LINTEC SINGAPORE PRIVATE LIMITED

- Lokasi: Singapura
- Jumlah pekerja: 65 pekerja
- Butiran perniagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk berkaitan bahan pencetak & bahan pengeluaran dan elektronik & optik

Pada bulan September 2019, kami menyumbangkan minyak ubat, serbuk, tuala muka, makanan, dan sebagainya kepada 250 orang tua yang berdekatan dalam acara bersama Syarikat Lintec Asia Pasifik. Apabila melihat wajah gembira semua orang, kami bertambah sedar akan kepentingan sumbangan sosial. Kami ingin meneruskan acara ini pada tahun depan juga.



Faith Lim
Bahagian Sumber
Manusia



Peserta acara



Aktiviti sosial

LINTEC (THAILAND) CO., LTD.

- Lokasi: Daerah Chachoengsao, Thailand
- Jumlah pekerja: 190 pekerja
- Butiran perniagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk berkaitan bahan pencetak & bahan pengeluaran dan kertas & bahan yang diproses

Kami telah membuat rombongan syarikat pada bulan Februari 2020, dan telah mengunjungi Pantai Cha-Am di daerah Phetchaburi yang merupakan destinasi pelancongan terkenal di Thailand. Kami mengadakan majlis pembinaan pasukan pada waktu malam. Hari berikutnya, kami mengunjungi Kuil Huay Mongkol yang mempunyai patung Buddha, Thuad iaitu sami besar Thailand. Kami cuba berkomunikasi dengan pekerja.



Paweena Hang-Klang
Pegawai ISO



Gambar kenangan yang
diambil di hadapan
patung Buddha Thuad



Aktiviti alam sekitar

LINTEC OF AMERICA, INC. NANO-SCIENCE & TECHNOLOGY CENTER

- Lokasi: Texas, Amerika Syarikat
- Jumlah pekerja: 29 pekerja
- Butiran perniagaan utama : Pembangunan & Penyelidikan



Will Barron
Operational Safety Assistant

Untuk menyumbang kepada pengurangan jumlah pelepasan dan kitar semula sisa, kami berusaha untuk mengasingkan kad bodi, botol minuman plastik, tin aluminium dan sebagainya yang terhasil dari pejabat dan fasiliti penyelidikan serta mempromosikan kitar semula.



Kotak mengumpul botol
minuman plastik




Aktiviti alam sekitar

MADICO, INC.

- Lokasi: Florida, Amerika Syarikat
- Jumlah pekerja: 196 pekerja
- Butiran perniagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk berkaitan bahan pencetak & bahan pengeluaran



Kelli Houdek
Jawatankuasa CSR



Pekerja yang telah
menyertai acara



Aktiviti sosial

VDI, LLC.

- Lokasi: Kentucky, Amerika Syarikat
- Jumlah pekerja: 41 pekerja
- Butiran perniagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk berkaitan bahan pencetak & bahan pengeluaran



Toni Doughty
Jawatankuasa CSR



Kumpulan CSR yang
menyertai aktiviti
sokongan

Syarikat kami menyokong aktiviti organisasi bernama Dare to Care yang memberikan bantuan makanan kepada isi rumah yang kekurangan makanan. Pada tahun fiskal 2019, kami telah membantu kerja menyusun bungkus kotak makanan sebanyak 4,500 kg atau lebih yang disumbangkan oleh penduduk tempatan.



Aktiviti sosial

MACTAC AMERICAS, LLC.

- Lokasi: Ohio, Amerika Syarikat
- Jumlah pekerja: 453 pekerja
- Butiran perniagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk berkaitan bahan pencetak & bahan pengeluaran



Memasak di rumah
(House)

Pada Februari 2020, kami telah melakukan aktiviti sumbangan sosial dengan kerjasama Donald Mc Donald House Charities. Organisasi ini menyediakan tempat tinggal untuk kanak-kanak yang menerima rawatan dan keluarga mereka. Enam pekerja telah menyediakan makanan di sebuah rumah (House) yang berdekatan dengan Hospital Kanak-kanak di Akron, Ohio.




Alam Sekitar

Jumlah penggunaan tenaga (setara minyak mentah)

Lingkungan sasaran: Kumpulan LINTEC dalam negara¹

█ Kuasa elektrik yang dibeli █ Bahan bakar
● Unit asas (jumlah penggunaan tenaga/jumlah pengeluaran)

Jumlah penggunaan **91** ribu kL
Unit asas **0.31** kL/t




Jumlah penggunaan air pengairan

Lingkungan sasaran: kilang Kumagaya, kilang Mishima

█ Jumlah penggunaan air pengairan
● Unit asas (jumlah penggunaan air pengairan/jumlah penggunaan kertas)

Jumlah penggunaan **5,680** ribu t
Unit asas **47.0** m³/t



Jumlah pelepasan gas CO₂

Lingkungan sasaran: Ibu pejabat LINTEC Corporation, 10 lokasi pengeluaran², institut penyelidikan, TOKYO LINTEC KAKO, INC.

Jumlah penjanaan sisa


Lingkungan sasaran: Ibu pejabat LINTEC Corporation, 10 lokasi pengeluaran, institut penyelidikan, TOKYO LINTEC KAKO, INC.

█ Sisa kertas █ Sisa plastik
█ Sisa minyak █ Enap cemar █ Lain-lain

163 ribu t-CO₂



Jumlah yang terjana **28.1** ribu t




Data alam sekitar bagi 15 syarikat kumpulan di luar negara


█ Data tahun 2019 (Tempoh pengumpulan data:
Dari 1 haribulan Januari 2019 hingga 31 haribulan Disember 2019)

█ Data tahun 2018 (Tempoh pengumpulan data: Dari 1 haribulan Januari 2018 hingga 31 haribulan Disember 2018)


Jumlah pelepasan VOC³



Jumlah penggunaan elektrik



Jumlah penggunaan bahan bakar (diesel/gas asli) (unit: Crude Oil Equivalent, COE)



Perhatian) 1. VOC (sebatian organik merupak termasuktoluena, methyl ethyl keton. 2. Nilai haba yang terhasil bagi setiap bahan bakar dalam pengiraan jumlah penggunaan bahan bakar (COE) adalah menggunakan nilai yang telah ditetapkan dalam perkara 4 Undang-undang Penguatkuasaan Penjimat Tenaga. 3. LSFT: LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC. LAT-T: LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (TAIWAN), INC. LSFK: LINTEC SPECIALITY FILMS (KOREA), INC. LE (UK): LINTEC EUROPE (UK) LIMITED



Masyarakat (tunggal)

Kos sokongan komuniti

8.72 juta yen



Peratusan menjawab soal selidik pembekal bagi perolehan CSR

93.9%



114
syarikat
melakukan
soal selidik



Jawapan daripada
107
syarikat

*1 Kumpulan LINTEC dalam negara: lihat halaman 17.

*2 10 lokasi pengeluaran: Agatsuma, Kumagaya, Ina, Chiba, Tatsuno, Shinguu, Komatsushima, Mishima, Doi, Niihama

*3 VOC: → lihat halaman 11.



Sumber Manusia

Bilangan pekerja (pautan)

4,948 orang



Kadar perolehan cuti berbayar (tunggal)

66.5%

Meningkat selama 6 tahun berturut-turut



Bilangan peserta dalam latihan setiap peringkat (tunggal/ jumlah)


2,299 orang
(Jumlah)



Kewangan (pautan)

Jumlah jualan

240.7 billion yen




Keuntungan perniagaan

15.4 billion yen



Jumlah jualan mengikut segmen (tahun fiskal 2019)



Keuntungan semasa

14.5 billion yen




Untung bersih yang kembali kepada pemegang saham ibu syarikat

9.6 billion yen



Dividen sesaham

78 yen
Nisbah bayaran **58.6%**




Jumlah aset

279 billion yen




ROE^{*4}/ROA^{*5}

ROE 5.0%
ROA 5.1%



Kos penyelidikan dan pembangunan

7.9 billion yen



*4 ROE: Singkatan bagi Return on Equity (kadar pulangan ekuiti). Indeks kewangan untuk menilai berapa banyak keuntungan yang terhasil daripada ekuiti.

*5 ROA: Singkatan bagi Return on Assets (kadar pulangan keseluruhan aset). Indeks kewangan untuk menilai berapa banyak keuntungan yang terhasil daripada seluruh aset.

Ringkasan Kumpulan LINTEC

Rangkaian global yang menyokong kegiatan

Semua pekerja Kumpulan LINTEC menjalankan pelbagai aktiviti CSR sebagai respons kepada suara para pemegang kepentingan dan untuk merealisasikan syarikat yang lebih baik.

Eropah
3 syarikat 41 orang

Jepun
8 syarikat 3,702 orang

Asia
23 syarikat 1,466 orang

Bahan percetakan dan bahan-bahan perindustrian

Kami menyediakan produk yang telah ditambahkan pelbagai fungsi bergantung kepada aplikasi dan lingkungan penggunaan seperti kertas pelekat/ filem pelekat yang digunakan sebagai label untuk paparan keperluan harian, makanan, peralatan rumah, dan sebagainya. Lagi, pita untuk mengekalkan komponen peranti mudah alih dan sebagainya, produk pelekat untuk kenderaan, pencetak kod bar komersial, mesin pelabelan yang menampal label secara automatik, filem tingkap untuk bangunan dan kereta, filem penanda yang digunakan untuk papan tanda luaran, bahan iklan, hiasan badan kereta dan sebagainya, kertas hiasan dalaman yang menyumbang kepada hiasan kedai dan sebagainya.


Elektronik, optik

Kami menyediakan produk yang menggunakan sepenuhnya penyelidikan dan pembangunan (R&D), dan teknologi kami sendiri seperti pita khas yang digunakan dalam proses pembuatan & pemasangan cip semikonduktor dan peranti yang memanfaatkan ciri-cirinya, dan filem penanggal yang sangat diperlukan untuk pembuatan kapasitor seramik monolitik. Lagi, produk pelekat berkaitan paparan kristal cecair (LCD), produk berkaitan panel sentuh, dan sebagainya. Kami memainkan peranan dalam perkembangan masyarakat IoT¹ melalui pembangunan bahan yang sesuai dengan proses pembuatan peranti elektronik seperti telefon pintar dan sebagainya, dan pita berprestasi tinggi yang sangat penting untuk pembuatan ingatan kilat (flash memory).


Kertas dan bahan yang diproses

Kami menawarkan pelbagai produk berbagai-bagai warna seperti kertas sampul warna dan kertas warna dengan pelbagai warna, kertas yang berfungsi seperti kertas kalis minyak untuk pembungkusan makanan, kertas bebas debu, dan sebagainya serta kertas cetak bermutu tinggi. Lagi, selain mengeluarkan kertas penanggal dan filem penanggal yang melindungi permukaan pelekat, kami mengeluarkan kertas proses yang digunakan ketika pembuatan produk sintetik kulit, produk serat karbon dan sebagainya. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kami telah membangunkan kertas kraft yang mempunyai daya tahan air dan daya cetak yang tinggi. Ia digunakan sebagai kertas sampul surat, kertas pembungkus, dan kertas percetakan buku. Kami akan terus menambahbaikkan untuk memenuhi keperluan pasaran.


Trend jualan




Trend jualan



Trend jualan



*1 IoT : Singkatan bagi Internet of Things (Internet Benda). Pelbagai jenis "Benda" seperti bangunan, perkakas elektrik, kenderaan, peralatan perubatan dan sebagainya disambungkan ke Internet dan bertukar maklumat antara satu sama lain.



Empat Teknologi Asas

Kumpulan LINTEC sedang membangunkan produk yang lebih berbeza dan unik dengan menjadikan empat teknologi iaitu “teknologi aplikasi pelekat”, “teknologi pengubahsuaian permukaan”, teknologi pensistem”, “teknologi kertas khas & bahan penanggal” sebagai asas. Seterusnya, menggabungkan semua ini ke dalam dimensi yang tinggi.

Teknologi aplikasi pelekat

Melalui pembangunan pelekat dan pelbagai bahan asas serta teknologi kompositnya, kami akan memperluaskan bidang aplikasi fungsi asas produk pelekat iaitu “Menampali” & “Menanggal”.

Teknologi modifikasi permukaan

Dengan menggunakan rawatan kimia dan fizikal ke permukaan kertas dan filem, prestasinya ditingkatkan atau fungsi baru ditambah.


Teknologi Pensistem

Bermula dengan pensistem mesin dan peralatan, kami mencadangkan penyelesaian canggih dengan membina sistem canggih yang memanfaatkan ciri-ciri bahan.

Teknologi pembuatan kertas khas/ bahan penanggal

Kami akan menggunakan sepenuhnya teknologi pembuatan kertas dan salutan asli, teknologi impregnasi dan tampilan, dan sebagainya. Kami akan membangunkan kertas berfungsi khas dan bahan bernilai tinggi yang melampaui konsep kertas konvensional.

Media utama untuk mendedahkan maklumat CSR




Laporan CSR (Edisi risalah/ PDF)



Risalah menyiarkan aktiviti CSR Kumpulan LINTEC dalam format yang mudah difahami. Edisi PDF adalah dalam versi Bahasa Inggeris. Selain itu, edisi petikan adalah dalam versi Bahasa Korea, Bahasa Cina (Cina tradisional), Bahasa Cina (Cina ringkas), Bahasa Melayu, Bahasa Indonesia & Bahasa Thai.

Laman web CSR (Edisi laman web)



Menyiarkan aktiviti CSR Kumpulan LINTEC secara lebih luas dan terperinci. Dijadualkan akan dikemas kini pada Oktober 2020 (Kemas kini sebelum ini: Oktober 2019).
[Edisi Bahasa Inggeris]
www.lintec-global.com/csr

Pendapat Pihak Ketiga

Pada permulaan mesej teratas, "Dengan menyatukan kekuatan semua pekerja, kami akan mengambil langkah yang lebih jauh", simbolik yang dinyatakan dengan jelas. Namun begitu, perkara pertama yang terungkap dari LINTEC CSR REPORT 2020 adalah ciri-ciri yang sangat menitikberatkan pekerja sebagai pihak berkepentingan. Jawatankuasa SDGs yang ditubuhkan pada tahun 2018 berfungsi sebagai ruang untuk berbincang secara terbuka imej masa depan syarikat dengan melibatkan ramai pekerja yang merentasi jabatan dan jawatan. Selain itu, seperti sebuah syarikat global, aspek di mana pelbagai aktiviti CSR dilakukan di setiap lokasi diambil dengan cermat, dan poin yang memperkenalkan suara pelbagai pekerja dari sudut pandangan berorientasikan masa depan yang dipanggil "Tahap saya yang seterusnya (My Next Stage)" dan sebagainya merupakan maklumat-maklumat berharga yang memfokuskan semua pekerja. Ia berperanan dalam menyampaikan secara jelas nilai-nilai syarikat anda yang dinyatakan sebagai "LINTEC WAY" kepada pembaca dan merupakan keperibadian utama laporan ini.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, pelaburan ESG yang memfokuskan pada nilai bukan kewangan seperti persekitaran, masyarakat, dan tadbir urus menjadi semakin berpengaruh dalam menentukan potensi pertumbuhan jangka panjang syarikat. Laporan berkaitan aktiviti CSR adalah maklumat penting dari perspektif pelaburan ESG ini. Terutamanya selepas pandemik COVID-19. Pada masa akan datang, aspek sosial iaitu peranan syarikat yang menjadi asas pekerjaan yang dianggap akan diberi lebih penekanan daripada sebelumnya. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa laporan syarikat anda mempunyai potensi yang sangat besar dari aspek ini. Oleh itu, saya ingin menerangkan perkara-perkara yang dijangkakan pada masa akan datang dari perspektif ini.

Saya fikir kunci untuk menghubungkan nilai laporan ini yang memberi tumpuan kepada "Manusia" dengan logik dunia pelaburan ESG ada pada "Mewujudkan persekitaran di mana setiap pekerja dapat memaksimumkan kemampuannya untuk membuat inovasi" yang ditekankan oleh Presiden Hattori dalam mesej pendahuluan dan dialog SDGs khas. (1) Apakah risiko dan peluang yang dihadapi oleh daya saing syarikat anda disebabkan perubahan persekitaran luaran yang dijangkakan pada masa akan datang? (2) Apakah inovasi yang menghubungkannya dengan pertumbuhan baru? (3) Bagaimanakah mendidik sumber manusia yang mengetuainya dan menggunakan sepenuhnya kuasa mereka? Jadikan semua ini sebagai satu kisah

Encik Keisuke Takegahara

Pegawai Eksekutif
Timbalan Pengurus Besar, Ibu Pejabat
Penyelidikan Industri
Bank Pembangunan Jepun



melalui laporan. Strategi pertumbuhan jangka panjang syarikat anda dan sikap pengurusan yang menekankan "Manusia" dijangkakan akan digabungkan secara organik. Dalam membentuk kisah ini, ia adalah sangat berguna kerana syarikat anda memberi kepentingan kepada SDGs. Dengan menggunakan SDGs untuk mengenal pasti risiko dan peluang yang akan dihadapi dalam konteks visi jangka panjang yang sedang dipertimbangkan kini, ia kerana mungkin untuk menyelaraskan penyelesaian isu sosial dan pertumbuhan korporat.

Sekiranya kita menganggap faktor bukan kewangan yang mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pertumbuhan jangka panjang (kemampaman model perniagaan) sebagai "materiality", dalam proses mempertimbangkan kisah ini, materialiti syarikat anda yang kini sedang dalam perbincangan untuk diteliti semula mungkin akan ditentukan secara automatik. Di situ, kemungkinan, sumbangan dari segi alam sekitar melalui produk dan perkhidmatan, dan kekuatan sumber manusia yang selalu ditekankan oleh laporan ini akan menjadi kata kunci. Sebagai contoh, kemajuan digitalisasi yang pesat yang mencirikan era selepas COVID-19, selain dijangkakan dapat memberi peluang besar kepada teknologi elektronik dan optik syarikat anda, ia juga memberi kesan besar dari aspek alam sekitar kepada masyarakat melalui penambahbaikan produktiviti pelanggan dan sebagainya. Dengan mengambil kira daripada kedua-dua aspek iaitu "Nilai" seperti ini yang diberikan kepada masyarakat melalui perniagaan anda dan sumber manusia sebagai "Asas" yang menyokongnya, ia akan menjadi materialiti yang akan menyatakan pertumbuhan jangka panjang syarikat anda dengan cara yang mudah difahami.

Dengan menggunakan keperibadian luar biasa pekerja sebagai tema dan memanfaatkan potensi tersebut, kami menjangkakan ia berkembang kepada laporan yang menyampaikan kekuatan syarikat anda kepada lebih ramai pihak berkepentingan.

Respons kepada Pendapat Pihak Ketiga

Buat pertama kalinya pada edisi tahun 2020, kami akan menerima pendapat pihak ketiga dari Encik Takegahara. Kami ingin mengucapkan terima kasih atas penghargaan anda terhadap potensi laporan ini di atas ciri-ciri kumpulan syarikat ini yang mementingkan pekerja dan peranan syarikat sebagai asas pekerjaan.

Kami akan menghubungkan penyelesaian isu sosial dan pertumbuhan syarikat dengan menggabungkan secara organik sebagai satu kisah bagi pengenalpastian risiko dan peluang menggunakan SDGs, pertumbuhan melalui inovasi, dan pemupukan dan penggunaan sumber daya manusia yang akan bertanggungjawab untuknya.

Berkenaan materialiti, kami fikir bahawa walaupun tidak sedar sebagai syarikat, usaha ke arah SDGs sepatutnya dilakukan secara spontan. Bermula dari perspektif "Penyediaan nilai" dan "Sumber manusia yang

menjadi asas" yang dapat menyumbang kepada penyelesaian isu sosial, kami akan mengenal pasti tema utama yang membawa kepada pertumbuhan jangka panjang.

Pada masa akan datang juga, kami memandang serius pendapat yang diterima dan mempromosikan pengurusan CSR berdasarkan moto syarikat "Keikhlasan dan Kreativiti" dengan semua pekerja. Kami berhasrat untuk menjadi sebuah syarikat yang menyumbang kepada penyelesaian masalah global dan mewujudkan masyarakat yang mampan, dari "pembuatan produk (monozukuri)" yang bermotivasi.

Makoto Hattori

Pengarah Urusan, Ketua Pegawai Eksekutif
LINTEC Corporation